Kerajaan Negeri setuju untuk mengecualikan syarat tertentu bagi pemberian Elaun Tanggungjawab Khas (ETK) kepada Ketua Pembantu Tadbir (pengkeranian/operasi) di negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu berkata syarat yang dikecualikan itu termasuk Ketua Pembantu Tadbir pada gred hakiki 22, 26 dan 28 tidak lagi perlu menyelia atau memantau orang bawahan untuk layak menikmati ETK.

"Sebelum ini (pentadbiran terdahulu), ETK diluluskan cuma tidak seronok kerana ada syarat pemantauan. Perkara ini kita akan kemukakan kepada Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Wacana Halatuju Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir Negeri Perak anjuran Gabongan Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Kerani dan Bersekutu Kerajaan (AUEGCAS) negeri Perak di sini, hari ini.

Dalam pada itu, Ahmad Faizal berkata keputusan yang dikemukakan kelak perlu selari dengan sistem penyampaian lebih berkesan. AUEGCAS negeri Perak telah memohon pengecualian syarat untuk ETK itu sejak 2009.

"Kita cuba mencari jalan penyelesaian terbaik tetapi dalam masa yang sama ia perlu diseimbangkan dengan penyampaian perkhidmatan yang jauh lebih baik... dan tidak mahu mendesak kerajaan semata-mata untuk memenuhi semua permintaan tetapi kualiti perkhidmatan merudum," katanya.

-Bernama

# JPA diminta kaji semula skim pembantu tadbir

- Berita Harian

- 29 Sep 2019



Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) diminta mengkaji semula skim perkhidmatan pembantu tadbir yang tidak disemak sejak hampir 40 tahun lalu.

Presiden Gabungan Kesatuan Pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Kerani dan Bersekutu Kerajaan (AUEGCAS), Mohd Nasir Len, berkata kira-kira 200,000 pembantu tadbir di negara ini yang bergred antara 19 hingga 28 mengharapkan kenaikan daripada kerajaan selepas sekian lama ‘tersangkut’ di situ.

“Pada tahun 80-an dahulu, jawatan perkeranian sama tahapnya dengan penghulu, guru dan penolong pegawai tanah (SO) tetapi sekarang ia sudah menjadi lambakan daripada skim lain daripada bawah yang diberi penambahbaikan untuk duduk di gred ini.

“Sedangkan jawatan perkeranian ini masih berada di gred sama sejak hampir 40 tahun dan tidak berganjak walaupun jawatan lain sudah dinaikkan,” katanya. Beliau berkata demikian selepas Persidangan Tri Tahunan AUEGCAS Kebangsaan Ke-11, di sini, semalam.

Persidangan berkenaan dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia Hal Ehwal Pengguna, Masyarakat Sivil dan Integrasi Nasional Negeri Perak, A Sivanesan. Pada persidangan yang dihadiri seramai 150 perwakilan itu, Sivanesan turut memberikan sumbangan RM20,000 kepada AUEGCAS Perak bagi menjalankan aktiviti kesatuan.

Pada masa sama, Mohd Nasir berkata, semakan skim yang diminta untuk dilaksanakan merangkumi jawatan pembantu tadbir, perkeranian operasi, perkeranian kewangan, stor, pegawai khidmat pelanggan dan gred bersekutu.

Beliau berkata, AUEGCAS komited memperjuangkan kenaikan gred dalam kalangan perkhidmatan pembantu tadbir bersama Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS).

Sedangkan jawatan perkeranian ini masih berada di gred sama sejak hampir 40 tahun dan tidak berganjak walaupun jawatan lain sudah dinaikkan.

Mohd Nasir Len, Presiden AUEGCAS

# JPA diminta kaji semula skim pembantu tadbir

**Kuala Lumpur:** Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) diminta mengkaji semula skim perkhidmatan pembantu tadbir yang tidak disemak sejak hampir 40 tahun lalu.

Presiden Gabungan Kesatuan Pekerja-Pekerja dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerani dan Bersekutu Kerajaan (AUEGCAS), Mohd Nasir Len, berkata kira-kira 200,000 pembantu tadbir di negara ini yang bergred antara 19 hingga 28 mengharapkan kenaikan daripada kerajaan selepas sekian lama 'tersangkut' di situ.

"Pada tahun 80-an dahulu, jawatan perkeranian sama tahapnya dengan penghulu, guru dan penolong pegawai tanah (SO) tetapi sekarang ia sudah menjadi lambakan daripada skim lain daripada bawah yang diberi penambahbaikan untuk duduk di gred ini.

"Sedangkan jawatan perkeranian ini masih berada di gred sama sejak hampir 40 tahun dan tidak berganjak walaupun jawatan lain sudah dinaikkan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Persidangan Tri Tahunan AUEGCAS Kebangsaan Ke-11, di sini, semalam.

Persidangan berkenaan dirasmikan oleh Pengerusi Jawatan-kuasa Kesihatan, Sumber Manusia Hal Ehwal Pengguna, Masyarakat Sivil dan Integrasi Nasional Negeri Perak, A Sivanesan.

Pada persidangan yang dihadiri seramai 150 perwakilan itu, Sivanesan turut memberikan sumbangan RM20,000 kepada AUEGCAS Perak bagi menjalankan aktiviti kesatuan.

Pada masa sama, Mohd Nasir berkata, semakan skim yang diminta untuk dilaksanakan merangkumi jawatan pembantu tadbir, perkeranian operasi, perkeranian kewangan, stor, pegawai khidmat pelanggan dan gred bersekutu.

Beliau berkata, AUEGCAS komited memperjuangkan kenaikan gred dalam kalangan perkhidmatan pembantu tadbir bersama Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS).



**Sedangkan jawatan**

**perkeranian ini masih berada di gred sama sejak hampir 40 tahun dan tidak berganjak walaupun jawatan lain sudah dinaikkan.**

**Mohd Nasir Len,  
Presiden AUEGCAS**



Aziz dan Abdul Wahab bersama peserta Bengkel Efektif Pengurusan/Pentadbiran AUEGCAS di Menara PGHM, Kuala Lumpur, semalam.

Kita lihat kerajaan perlu memperkenalkan insentif ini dan memberikan ganjaran setimpal kepada golongan berkenaan"

Aziz Muda, Presiden CUEPACS

## CUEPACS syor elaun khas kepada ketua pembantu tadbir

**Kuala Lumpur:** Kerajaan diminta memperketatkan insentif Elaun Tanggungjawab kepada ketua pembantu tadbir (pekeranian, operasi dan kewangan) di negara ini.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Aziz Muda, berkata cadangan itu diketemakan Gabungan Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan

Perkhidmatan Kerani Dan Berserutu Kerajaan (AUEGCAS) kepada pibakarnya semalam.

"Ada antara ketua pembantu tadbir ini mempunyai gred yang sama dengan kakitangan di bawah sebahagian mereka, misalnya Gred 22. "Yang naik pangkat secara time based juga gred sama, jadi gaji sama tanpa apa-apa insentif. Kita lihat kerajaan perlu memperkenalkan insentif ini dan membe-

rikan ganjaran setimpal kepada golongan berkenaan," katanya.

**Insentif penyelesaian**

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan majlis penutup Bengkel Efektif Pengurusan/Pentadbiran AUEGCAS di Menara PGHM di sini, semalam.

Yang turut hadir, Presiden AUEGCAS, Abdul Wahab Abdullah

dan Setiausaha Agung CUEPACS, Adnan Mat.

Aziz berkata, pada masa sama, pihaknya bertekad kasih kepada beberapa negeri yang memperkenalkan insentif penyelesaian ini seperti Terengganu, Johor dan Kelantan.

"Saya berharap pada peringkat negeri lain dan persekutuan, dapat pertimbangkan memperkenalkan elaun insentif kepada petyela sa- ma ada dalam kumpulan per-

isian atau kumpulan lain dalam kumpulan pelaksana," katanya.

Dalam pada itu, Aziz menegakan pibakarnya akan mengemukakan semula kepada kerajaan mengenai tuntutan Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) kepada seluruh 18 juta penjawat awam di negara ini.

"Namun, kita tidak tetapkan bila ia dilaksanakan kerana memahami keadaan kewangan semasa kerajaan," katanya.

# Harap gred jawatan ditambah baik

**IPAH** - Gabungan Kesatuan Pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Kerani dan Berserutu Kerajaan (AUEGCAS) Perak mengharapkan penambahbaikan gred jawatan pembantu tadbir, perkeranian/operasi dan kewangan diberi perhatian dan pertimbangan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Pengerusinya, Ibrahim Ngaimi Mat Tahir berkata, bagi menyokong usaha itu, pihaknya menghantar kertas kerja, mengadakan bengkel dan lain-lain perkara berkaitan namun masih mendapat maklum balas.

Bagaimanapun beliau berkata, apa yang diminta sebelum ini tidak dipenah tetapi diberikan kelulusan bagi perkara lain.

"Kita minta yang lain tetapi dapat yang lain. Kita minta



Barisan kepimpinan AUEGCAS negeri Perak yakin mampu menambah 500 ahli tahun depan.

gred 27 tetapi semua diberikan gred 29. Kami masih kekal di bawah gred 19.

"Walaupun kelayakan kami untuk jawatan ini menggunakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), buangan yang dilakukan menunjukkan daripada 10 kakitangan, tujuh daripadanya memiliki diploma manakala baki tiga orang sudah tentu memiliki pengakam lebih 10 tahun," katanya.

Dalam pada itu, Ibrahim

berkata, kesatuan itu yakin dapat menambah 500 ahli tahun depan dengan membahagikan aktiviti dan memperhebatkan lagi promosi bagi menarik lebih ramai kakitangan awam menertai AUEGCAS.

Menurutnya, buat masa ini, AUEGCAS mempunyai 1,000 ahli daripada pelbagai jabatan di bawah kerajaan negeri dan persekutuan di negeri ini.

"Banyak manfaat yang bakal diperoleh termasuk faedah

pesara, kecemerlangan anak serta khairat kematian.

"Sehubungan itu beberapa siri jejajah ke daerah-daerah dan aktiviti akan dilakukan dalam masa terdekat untuk tujuan berkenaan," katanya.

Ibrahim berkata, selaras dengan pengiktirafan Anugerah Kesatuan Cemerlang yang diterima sempena Persidangan Tritahunan AUEGCAS ke-10 baru-baru ini sekali gus meningkatkan semangat barisan

kepimpinan dan ahli untuk lakukan yang terbaik.

Katanya, beberapa kriteria turut diambil kira dalam pemilihan itu antaranya pengurusan pentadbiran, aktiviti yang dijalankan serta keahlihan ramai.

"Bagi mengekalkan gelaran itu, pihak jawatan kuasa merancang untuk memperbanyakkan aktiviti selain meneruskan acara tahunan. Tahun depan kita akan ada-

kan persidangan pembantu tadbir, eksplorasi Royal Belum dan beberapa aktiviti lain.

"Selain sokongan ahli kami berterima kasih dan menghargai sokongan Setiausaha Kerajaan Negeri dan barisan Exco yang sentiasa membantu menayakan apa sahaja program dianjurkan," katanya.

Dalam perkembangan lain, pihaknya berharap AUEGCAS diberikan ruang pejabat baharu memandangkan pejabat sedia ada kini agak kecil.

"Kami berada di sini sejak 2010, pejabat yang diperbuat daripada kayu ini kelihatan usang malah semakin meriput," katanya.

Bagi yang berminat untuk menyertai AUEGCAS boleh menghubungi Setiausaha, Amir Hamzah di talian 019-5756670; Berdalihari, Ashah Zakaria, 012-5982998 atau melayari laman Facebook, AUEGCAS Perak.

# Auegcas serah cek persaraan ahli

IPOH – Ahli Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Kerani dan Bersekutu Kerajaan (Auegcas) di negeri ini menerima cek persaraan masing-masing.

Setiausahanya, Amir Hamzah Yakat Ali berkata, majlis berkenaan sebagai pengiktirafan kepada semua kakitangan perkhidmatan awam, khususnya golongan pembantu tadbir yang bersara pilihan atau bersara wajib daripada perkhidmatan masing-masing.

Menurutnya, anak ahli yang cemerlang dalam peperiksaan awam juga akan turut diraikan dan diberi dermasiswa sempena majlis berkenaan.

"Sebelum ini semua ahli kita hanya akan dimaklumkan melalui pos, tapi kini kita

**“Majlis berkenaan sebagai pengiktirafan kepada semua kakitangan perkhidmatan awam, khususnya golongan pembantu tadbir yang bersara pilihan atau bersara wajib daripada perkhidmatan masing-masing.” - Amir Hamzah**

raikan mereka dalam majlis di pejabat Auegcas.

"Alhamdulillah, seramai 13 ahli kita yang bersara dan seorang anak ahli yang cemerlang dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2014 menerima dermasiswa kali ini," katanya pada sidang media sempena Majlis Menyampaikan Cek-Cek Persaraan Ahli Dan Dermasiswa di Pejabat Auegcas Perak, kelmarin.

Amir Hamzah turut menyuarakan hasrat supaya kerajaan dapat memberi

pertimbangan sewajarnya berhubung penambahbaikan dalam Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir sebagaimana yang diuar-uarkan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), sebelum ini.

"Penambahbaikan berkenaan relevan dalam usaha memastikan skim perkhidmatan (pembantu tadbir) selaras skim perkhidmatan sedia ada.

"Sebelum ini, Cuepacs sudah bawa perkara ini. Kita harap kerajaan pertimbangannya," katanya.



Amir Hamzah (kanan) bersama ahli Auegcas yang menghadiri majlis kelmarin.

# Cuepacs gesa kerajaan percepat proses

SHAHRIZAL AHMAD ZAINI

IPOH – Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) merancang melaksanakan proses penjenamaan semula bagi jawatan Pembantu Tadbir Gred 17 dalam masa terdekat.

Presidennya, Azih Muda berkata, usaha itu selaras program transformasi yang giat dilaksanakan oleh kerajaan pada hari ini.

Menurutnya, proses penjenamaan itu juga bakal menyaksikan satu lonjakan gred baharu yang sememangnya ditunggu-tunggu oleh semua penjawat awam hari ini.

"Kita tidak mahu golongan pembantu tadbir berada pada Gred 17 sedangkan skim lain telah lama melonjakkan gred masing-masing.

"Kita juga cadangkan agar Pegawai Khidmat Tadbir digunakan bagi menggantikan Pembantu Tadbir kerana ia sudah terlalu lama digunakan," katanya selepas melawat pejabat operasi Gabungan Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Kerani Dan Bersekutu (Auegcas) Perak, di sini, semalam.



Azih (kanan), ketika majlis perjumpaan dengan Auegcas semalam.

Dalam perkembangan sama, Azih berkata, kerajaan juga digesa mempercepatkan proses semakan skim 100 skim seperti diumumkan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN), baru-baru ini.

Katanya, semakan berkenaan sewajarnya dilaksanakan segera selepas semakan 81 skim sebelum ini selesai.

"Semakan berkenaan perlu dibuat dalam tempoh enam bulan mulai sekarang bagi memberi lonjakan gred baharu kepada semua skim berkenaan selain menaik taraf skim sedia ada," katanya.

Sementara itu, Cuepacs turut memohon memohon laluan khas kepada golongan penjawat awam di semua hospital di hospital-hospital kerajaan.

Azih berkata, laluan itu akan memudahkan urusan golongan penjawat awam ketika berkunjung ke mana-mana hospital kerajaan untuk mendapatkan rawatan.

"Seperti biasa, golongan penjawat awam ini terpaksa mengambil masa terlalu lama bagi mendapatkan rawatan.

"Oleh itu, kita berharap agar permohonan ini diberi perhatian serius oleh pi-

hak berkenaan dan kita dari Cuepacs berharap agar perkara ini dapat dipraktikkan kelak," katanya.

Dalam perkembangan sama, Azih berkata, pihaknya juga akan turun padang bagi menyaksikan sendiri masalah kekurangan fasiliti di hospital-hospital Kerajaan pada hari ini.

Katanya, masalah kekurangan peralatan seperti mesin hemodialisis juga adakalanya mengakibatkan orang ramai terpaksa menunggu lama bagi mendapatkan rawatan di hospital.



# Cuepacs gesa naik gred 200,000 pembantu tadbir

**IPOH** - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menggesa kerajaan mempercepat kenaikan gred kira-kira 200,000 pembantu tadbir seluruh negara yang didakwa tidak disemak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) lebih 40 tahun lalu.

Presiden Cuepacs Perak, Shuhaimi Othman berkata, sebahagian besar masih menanti pelarasan skim terbabit setelah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa menyatakan persetujuan mengkaji semula 100 lagi skim perkhidmatan yang diusulkan November tahun lalu.

"Kita tidak mahu perkara ini menyebabkan ketidakpuasan hati yang berterusan.

"Kita akui hampir sebahagian besar daripada mereka kecewa dan disebabkan itu Cuepacs minta perkara ini dipercepatkan," katanya pada sidang media sempena Hari Pekerja dan Perhimpunan Kakitangan Awam, semalam.

Menurutnya, Cuepacs turut mencadangkan semua semakan semula skim perkhidmatan awam dijalankan serentak bagi mengelakkan kekeliruan dan masalah berbangkit.

"Kerajaan harus memberikan pertimbangan khusus dalam hal ini kerana semakan skim itu tidak membawa sebarang masalah besar.

"Selain itu, kalau boleh biarlah tiada lagi gelaran pembantu tadbir di Gred 17. Berilah nama baharu yang lebih bersesuaian selari dengan program transformasi negara seperti pegawai khidmat tadbir," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Shuhaimi berkata, pihaknya akan membuka sebuah pusat sehenti di Pusat Transformasi Bandar (UTC) khusus untuk memudahkan urusan dan aduan kakitangan awam.

"Kami sudah usulkan perkara tersebut kepada kerajaan negeri dan berharap ia diluluskan selewat-lewatnya hujung tahun ini," katanya.

# Pembantu tadbir solat hajat mohon kenaikan gred

IPOH 4 Dis. - Kurang 300 pembantu tadbir mengadakan solat hajat dan bacaan Yaasin bagi memohon kenaikan gred yang didakwa tidak disepakati oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sejak 40 tahun lalu.

Timbalan Presiden Kesatuan Pembantu Tadbir (Pendidikan) Semenanjung Malaysia (Keptan), Che Saad Hashim berkata, beliau yang mewakili lebih 100,000 pembantu tadbir di seluruh negara merasa terpinggir, apatah lagi golongan itu tidak termasuk dalam 81 skim perkhidmatan awam yang ditambah baik di bawah Bajet 2014.

"Kita tidak Islam lain dan tidak mahu mengadakan demonstrasi. Hanya kepada Allah kami memohon agar pemimpin atasan melihat golongan pembantu tadbir (pekeraman-operasi) dan pembantu tadbir (beawangan) yang merupakan kelompok terendah terbesar selepas guru.

"Kita telah pun menghantar cadangan kenaikan gred ini kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam di Kuching, Sarawak pada



IMAM Besar Masjid Sultan Misa Shah II, Abdul Farid Saleh mengimamkan dan selepas menamatkan solat hajat memohon kenaikan gred melibatkan pembantu tadbir hajiwan di tanah. Perak di sini hari ini.

September lalu.

"Oleh itu, kita berharap Perdana Menteri yang dijanjikan miratiskan Konvensyen Tahunan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam

Perkhidmatan Awam (KUEPACS) pada 17 Disember ini, dapat mengemukakan sesuatu tentang perkara ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada

periberti sebagai salah seorang imam solat hajat pertama dan bacaan Yaasin di Masjid Sultan Misa Shah II (Masjid Nagari Perak) di sini.

Solat hajat dan bacaan Yaasin itu

menyerta masing-masing oleh Imam Besar Masjid Bersejarah, Abdul Farid Saleh dan Timbalan Mufti Perak, Zaimi Hashim.

Dalam pada itu, Che Saad berkata, selain Keptan, solat hajat tersebut turut disertai oleh ahli bina-bina daripada Kesatuan Kesatuan Perkhidmatan Tadbir dan Awam Pendidikan Semenanjung Malaysia (IPA-CSU), Gabungan Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Kerani dan Bersekutu Kerajaan (Gungsi) dan Kesatuan Pembantu Tadbir Kementerian Kesihatan (Kepti-Kes).

"Kami menaruh keadilan gred daripada N17 ke N27 tetapi kita bantahan JPA memberi alasan bahawa gred itu terlalu tinggi. Bagaimanapun, bantahan itu-ura JPA bersebut meningkatkan tiga lapisan gred N17, N22 dan N26 kepada N21, N26 dan N31. Itu hasil terima."

"Ini disebabkan beberapa perjawatan yang sama dengan kebina-bina diaman telah diberi gred perkhidmatan lebih tinggi dalam ke-20 tahun gred 17, antaranya tolong naik," katanya.

# Cuepacs gesa kerajaan selaras skim perkhidmatan

IPOH - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) mengesahkan kerajaan menaikkan skim perkhidmatan pembantu tadbir selaras dengan 81 skim perkhidmatan awam, sebagaimana dibentangkan pada Bajet 2014.

Presidennya, Datuk Omar Osman berkata, gesaan berkenaan dilihat berasaskan kepada peranan, tanggungjawab dan skop tugas mereka yang jelas berbeza ketika ini berbanding dahulu.

Menurutnya, sudah tiba masanya untuk skim gaji bagi golongan pembantu tadbir ini dinaikkan serentak dengan penyetaraan gred baharu bagi pembantu tadbir.

"Kita semua sedia maklum peranan mereka (pembantu tadbir) sudah jauh berbeza pada hari ini.

"Malah, tahap tugas mereka sudah sampai ke tahap stres dan boleh mengakibatkan penderaan mental.

"Oleh itu, kita dari Cuepacs



Omar berucap sempena Perhimpunan Pembantu Tadbir Perak, semalam.

memohon kerajaan supaya skim gaji bagi perkhidmatan mereka ini (pembantu tadbir) dapat dinaikkan," katanya pada sidang media sempena Perhimpunan Pembantu Tadbir

Perak di sini, semalam.

Hadiri sama, Pengerusi Cuepacs Negeri, Suhaimi Othman, Timbalan Setiausaha Agung 3 Cuepacs Kertangsaan, Abdul Rahuman Mohd

Nordin, dan Timbalan Pengerusi Gabungan Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Kerani dan Bersekutu Kerajaan (Auegcas) Negeri, Ibrahim Ngajiru Mat

"Tahr

Dianggarkan 1,000 pembantu tadbir daripada pelbagai sektor perkhidmatan, termasuk agensi kerajaan, khususnya daripada gred perkeranian dan operasi, hadir.

Omar berkata, memorandum berhubung perkara itu dihantar kepada pihak Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam supaya ia diberi perhatian sewajarnya.

Katanya, Cuepacs mengharapkan keputusan bagi memorandum itu dapat diumumkan dalam tempoh enam bulan dari sekarang.

"Dalam tempoh enam bulan, kita sangat berharap akan ada keputusan yang dibuat khususnya gred baru bagi pembantu tadbir."

"Kita juga menjangka untuk mengartikan perbandingan golongan pembantu tadbir dengan golongan perkhidmatan awam yang mempunyai kelayakan akademik doktor falsafah (Ph.D) dan sarjana.

"Usaha ini mampu memberikan motivasi kepada golongan muda untuk berkhidmat dengan lebih berkeadilan dan melahirkan generasi akademik yang lebih cemerlang," jelasnya.

Dalam pada itu, Omar berkata, Cuepacs juga akan mengadakan tabung kutipan derma untuk membantu mangsa banjir di Pahang dan Terengganu.

# CUEPACS: Tambah baik skim gred 17

KUALA LUMPUR 10 Dis. - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (KUEPACS) mengesahkan kerajaan memberi keutamaan dalam penambahbaikan skim perkhidmatan awam kepada 81-nya-ke-650,000 kakitangan gred 17 ke atas.

Presidennya, Datuk Omar Osman (gambar) berkata, kumpulan itu berdiri daripada kumpulan pelaksanaan satu, melibatkan jawatan pembantu tadbir kerajaan, badan berkanun serta badan beruniform antaranya bomba, insipien dan sebagainya.

"Kita minta kerajaan memberi keutamaan menaikkan semula gred gaji kakitangan gred 17 dan kita menjangkakan kenaikan gred gaji itu dapat dilaksanakan bermula sambutan Hari Pekerja tahun pada 1 Mei tahun hadapan.

"Ini kerana terdapat kakitangan awam dalam gred tersebut yang sudah berkhidmat selama 15 tahun masih belum menerima sebarang kenaikan gred gaji," katanya



Sementara itu, Omar berkata, beliau menyambut baik langkah ke-


dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat perhimpunan khas di Wisma CUEPACS di sini hari ini.

Sebelum itu kerajaan mengumumkan 100 skim perkhidmatan awam akan dikaji semula awal tahun hadapan selepas 81 skim ditambah baik dalam bajet 2014.

rajaan memberikan insentif melalui penetapan gaji permulaan yang lebih tinggi kepada pegawai kerajaan yang mempunyai kelayakan akademik doktor falsafah (Ph.D) dan sarjana.

"Usaha ini mampu memberikan motivasi kepada golongan muda untuk berkhidmat dengan lebih berkeadilan dan melahirkan generasi akademik yang lebih cemerlang," jelasnya.

Dalam pada itu, Omar berkata, Cuepacs juga akan mengadakan tabung kutipan derma untuk membantu mangsa banjir di Pahang dan Terengganu.



# 167 INDIVIDU HADIRI MESYUARAT AUEGCAS PERAK

POH: 22 APRIL 2019 – Gabungan Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan Dan Bersesutu Kerajaan (AUEGCAS) Negeri Perak telah mengadakan Mesyuarat Agung Tri Tahunan bertempat di Dewan Saidina Omar, Jalan Raja Mesa Mahadi, Ipoh.

Mesyuarat Agung yang dihadiri seramai 167 ahli AUEGCAS dari seluruh Negeri Perak ini telah disempurnakan oleh Perasayan oleh Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Puan Rozalawati Binti Che Roslee selaku wakil YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Tuan Haji Zaidi Azman Bin Abu Seman.

Turut hadir, Pengerusi AUEGCAS Perak, Enik Ibrahim Ngaimi Bin Mat dan Penolong Setiausaha AUEGCAS Kebangsaan, En Amir Hamzah Bin Yakatal.

Rada majlis tersebut turut diadakan penyampaian cek persaraan kepada ahli-ahli yang bakal bersara dan penyampaian cek hadiah anak-cemerlang.

Selain itu, turut diadakan penyampaian Sijil Penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa AUEGCAS Perak sesi 2016-2019 kepada seramai 14 orang dan Sijil Pro AUEGCAS Perak kepada 20 orang terdiri dari pelbagai jabatan dan Daerah di Negeri Perak.

Penolong Setiausaha AUEGCAS Kebangsaan, Enik Amir Hamzah Bin Yakatal yang ditemui di majlis tersebut mengucapkan setinggi penghargaan kepada kerajaan kerana kolaborasi baik antara pihak kerajaan dan AUEGCAS yang terjalin selama ini.

Saya harap agar kolaborasi baik antara AUEGCAS dan kerajaan ini akan berkesmerta dan pada masa sama juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerajaan Negeri Perak kerana banyak membantu AUEGCAS Perak dari segala aspek termasuk dari segi kewangan," kata Enik Amir Hamzah Bin Yakatal yang merupakan mantan Setiausaha AUEGCAS Perak.

Dalam pada itu, beliau juga berharap agar pihak kerajaan dapat mempertimbangkan beberapa isu yang telah dibawa terutamanya melibatkan penambahbaikan dan penubuhan tadbir.

Rada Mesyuarat Agung Tri Tahunan ini juga AUEGCAS Perak telah melantik jawatankuasa yang baharu iaitu bagi sesi 2019-2022 dimana Wan Mohamad Roslan Bin Wan Abdul Rahman dilantik sebagai Pengerusi AUEGCAS Perak menggantikan En Ibrahim Ngaimi Bin Mat.



# CUEPACS

## cadang kerajaan pinda Seksyen 52, Akta Perhubungan Perusahaan 1967

IPOH, 2 Mei 2019 - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mencadangkan supaya kerajaan dapat meminda Seksyen 52 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 demi menjamin hak dan keadilan penjawat awam serta pekerja di badan berkanun kerajaan.

Presidennya, Dato' Aziz Bin Muda berkata pindaan tersebut akan membolehkan pekerja merujuk kepada Mahkamah Perusahaan terhadap sebarang perkara yang berlaku, termasuk hal-hal seperti pembiayaan pekerja.

Katanya pada masa kini, sekiranya hendak berbuat demikian mereka harus mendapat perkenan daripada Yang Dipertuan Agung terlebih dahulu, sebelum ia dibawa ke Mahkamah Tinggi.

Proses-proses ini memakan kos yang tinggi, tidak adil kepada pekerja kerajaan yang terpaksa mengeluarkan sejumlah kos seumpama itu hanya untuk mereka membela diri.

"Kita mahu prinsip kerajaan berkenaan 'rule of law' ini diserap dalam sistem perundangan pekerja kita yang membolehkan mereka mendapat keadilan," katanya.

Ia turut disuarakan Pengerusi CUEPACS Perak, Encik Zainal Bin Ismail yang menuntut pembelaan sewajarnya kepada penjawat awam oleh kerajaan.

Presiden CUEPACS Dato' Aziz Bin Muda menyampaikan ucapan CUEPACS A-Raya kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri Tuan Haji Zainal Azman Bin Abu Seman dalam majlis sambutan tersebut.

Katanya sudah tiba masanya kerajaan pimpinan Pakatan Harapan (PH) kini meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Di agensi swasta, pekerja-pekerja mereka jika dianiaya, akan mendapat pembelaan di Mahkamah Perusahaan. Namun di sektor awam sekiranya ada pekerja dianiaya pihak atasan, mereka tiada tempat untuk dirujuk," katanya.

Beliau berkata demikian pada Sambutan Hari Pekerja CUEPACS 2019 di Stadium Indera Mula, di sini, hari ini.

Hadir sama, YB Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran, YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia, Hal Ehwal Pengguna dan Integrasi Nasional Perak, Iuan A Sivanesan dan barisan Exco Kerajaan Negeri.

Sementara itu, YB Iuan M. Kulasegaran berkata, beliau akan membawa cadangan tersebut di peringkat Jemaah Menteri dan kepada Perdana Menteri, sebelum ia diluluskan untuk dibawa ke Dewan Rakyat.

Beliau yang juga bekas pengamal undang-undang turut menyedari bahawa memang berlaku kesulitan seperti yang disebutkan.

"Semalam saya ada menyatakan bahawa kerajaan sedang merangka dan meminta beberapa akta supaya semua pekerja dapat menikmati pembelaan.

"Kita memang ada mendapati beberapa akta sedia ada tidak mampu untuk memberi perlindungan kepada mereka sepenuhnya," jelas beliau.





# **SURAT-SURAT PENGHARGAAN**



18 Disember 2019  
21 Rabiulakhir 1441H

**Encik Amir Hamzah bin Yakat Ali**, PPT  
Setiausaha Agung  
Gabungan Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam  
Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerani Dan Bersekutu Kerajaan  
No. 32A, Jalan Gajah  
Off Jalan Yew  
Pudu  
55100 Kuala Lumpur

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

#### **UCAPAN TERIMA KASIH**

Saya mendoakan semoga tuan senantiasa beroleh kesejahteraan dan berada di dalam lindungannya.

Pertamanya saya memanjatkan rasa syukur kepada Allah SWT di atas pengurniaan Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S) Darjah Kelas Pertama yang diterima sempena Hari Keputeraan Ke-74 DYMM Sultan Selangor pada 11 Disember 2019 yang lalu. Sekalung ucapan terima kasih tuan atas ucapan tahniah di atas penganugerahan ini.

Saya berharap agar kerjasama dan hubungan baik yang terjalin dapat dikekalkan di masa akan datang demi menyantuni harapan dan nurani rakyat selaras dengan agenda Selangor Maju Bersama. Akhirul kalam, semoga tuan dan keluarga senantiasa berada di dalam lindungan Allah SWT dan dipermudahkan segala urusan, Insya Allah.

Salam hormat,

**DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI**



**PEJABAT PERDANA MENTERI MALAYSIA**  
**PRIME MINISTER'S OFFICE**  
Bangunan Perdana Putra  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 PUTRAJAYA

Tel. : 603-8000 8000  
Faks (Fax) : 603-8888 3444  
Laman Web (Web) : www.pmo.gov.my

PPM.100-9/5/2 Jld 11 ( 1 )  
21 April 2020

**YBRS. TUAN MOHD NASIR BIN LEN**  
Presiden  
Gabongan Kesatuan Pekerja-Pekerja  
Dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerani  
dan Bersekutu Kerajaan  
(Amalgamated Union of Employees in Government  
Clerical and Allied Services AUEGCAS)  
32A Jalan Gajah Off Jalan Yew, Pudu  
55100 KUALA LUMPUR



YBrs. Tuan,

#### TERIMA KASIH

Perkara di atas adalah dengan segala hormatnya dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia telah menerima surat perutusan tahniah daripada Gabongan Kesatuan Pekerja-Pekerja dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerani dan Bersekutu Kerajaan (AUEGCAS) di atas pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-8.

3. Beliau dengan rendah diri mengucapkan jutaan terima kasih di atas perutusan tahniah tersebut.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**MOHD NAAIM BIN MAHMUD**  
Setiausaha Sulit Kanan  
kepada YAB Perdana Menteri



منتري بئر فراق دار الرضوان  
MENTERI BESAR PERAK DARUL RIDZUAN

( ٥٢ ) dlm PMB. Pk. 212/1 Jld. 18

J'Awal 1442  
29 Januari 2021

Encik Amir Hamzah Bin Yakat Ali  
Setiausaha Agung  
Gabongan Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam  
Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerani dan Bersekutu Kerajaan (AUEGCAS)  
32A, Jalan Gajah off Jalan Yew, Pudu  
**55100 KUALA LUMPUR**

Tuan,

**UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH**

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih atas ucapan tahniah dan sokongan tuan sempena pelantikan saya sebagai Menteri Besar Perak pada 10 Disember 2020 yang lalu.

2. Semoga hubungan silaturahim antara kita akan terus berkekalan.

Sekian, terima kasih.

**(DATO' SAARANI BIN MOHAMAD)**